

CNS8804

U PB 23-07 00193 BA636

bah

Mahathir - BN

KERAJAAN CAMPURAN ALA BN PALING SESUAI UNTUK MALAYSIA

KOTA KINABALU, 23 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kerajaan campuran ala Barisan Nasional (BN) merupakan sistem paling sesuai untuk mentadbir masyarakat pelbagai kaum di Malaysia dan ia tidak perlu diubah.

Perdana Menteri berkata konsep parti bergabung BN menjamin semua kaum termasuk golongan minoriti diwakili serta sama-sama menikmati pembangunan.

"Mungkin satu hari nanti apabila kita tidak lagi berasa curiga sama ada kaum kita diwakili atau tidak, kita akan adakan sebuah parti yang tidak bercorak gabungan tetapi sebuah parti tulen.

"Tetapi masanya belum tiba sekarang kerana kita masih ragu-ragu dan curiga sama ada kepentingan kita dipertahankan dalam kerajaan atau parti. Sebab itulah BN adalah bentuk paling sesuai untuk negara kita," katanya semasa merasmikan kongres ketiga Angkatan Keadilan Rakyat (Akar), sebuah komponen BN Sabah, di SMK Kian Kok, Jalan Tuaran di sini.

Menurutnya, kerajaan campuran di Malaysia juga tidak sama dengan yang wujud di negara-negara lain kerana parti-parti komponen BN bertanding sebagai satu parti besar dan tidak menentang sesama sendiri semasa pilihan raya. -- Lagi.

▼23/07/14-06MST

CNS8852

R PB 23-07 00126 BA639

bah

(Ulangan - pembetulan dalam para tiga)

Mahathir - BN 2 Kota Kinabalu

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata BN mengamalkan konsep tolong-menolong agar semua golongan akan diwakili dalam kerajaan tanpa mengira kaum besar atau kecil.

Sebagai contoh, katanya, walaupun sesuatu kaum itu merupakan minoriti, BN boleh meletakkan calon kaum itu di kawasan yang majoritinya kaum lain dan mampu beroleh kemenangan.

Begitu juga halnya apabila kaum majoriti terbahagi kepada dua pihak, BN boleh mengharapkan pertolongan daripada kaum minoriti untuk menentukan kemenangan, katanya.

"Jadi kita saling tolong-menolong. Yang penting kita sokongan calon BN," katanya.

Beliau berharap konsep BN akan dipupuk dengan baik di Sabah agar semua pihak mendapat layanan saksama. -- Lagi.

▼23/07/15-31MST

CNS8843

U PB 23-07 00153 BH724

BAH

Mahathir - BN 3 Kota Kinabalu

"Ada orang kata, orang Kadazan tidak sokong BN. Saya yakin ia tidak benar. Kalau ada orang Kadazan yang tidak sokong kita, tidak bermakna kita (BN) tidak akan tolong mereka," kata Dr Mahathir disambut dengan tepukan hadirin.

Katanya, kerajaan akan tetap membantu mereka agar mereka sama-sama dapat mengecap nikmat pembangunan.

Bagaimana, Perdana Menteri berharap kaum Kadazan menukar fikiran dan kembali menyokong BN.

"Kini BN mempunyai beberapa parti Kadazan. Tidak ada sebab mengapa mereka harus terasing daripada BN. BN ialah lambang keadilan bagi semua kaum di Malaysia," katanya.

Katanya, bagi mewakili kaum Kadazan, BN telah melantik Presiden Parti Demokratik Sabah (PDS) Datuk Bernard Dompok dan Timbalan Presiden Akar Datuk Dr Jeffrey Kitingan masing-masing sebagai menteri dan timbalan menteri di peringkat Pusat dan Presiden Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS) Datuk Joseph Kurup sebagai Timbalan Ketua Menteri Sabah. -- Lagi.

♥23/07/15-13MST

U PB 23-07 00154 BH725

BAH

Mahathir - BN 4 Kota Kinabalu

Dr Mahathir juga menganggap BN sebagai parti yang unik kerana ia sedia menerima lawan sebagai kawan.

"Kadang-kadang orang yang pernah dimasukkan dalam tahanan, tiba-tiba menjadi Timbalan Perdana Menteri," katanya merujuk kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim yang suatu dulu pernah menjadi tahanan ISA.

"Kita tidak pernah kekal kebencian. Kadang kala dia buat salah. Kalau dia buat baik, apa guna kita simpan dalam hati," katanya.

Beliau juga memberi contoh Datuk Dr Jeffrey Kitingan yang juga adik kepada bekas Ketua Menteri Datuk Joseph Pairin, yang dulu dimasukkan dalam tahanan tetapi kini menyertai BN.

"Walaupun dulu dalam tahanan, tetapi beliau (Jeffrey) keluar dan dengan ikhlas jumpa saya dan kata beliau faham cara BN dan kali ini telah berada dalam BN," katanya.

Beliau juga berkata, ada orang yang dulunya pernah menjadi Menteri Kewangan tetapi kini berada di luar BN. -- Lagi.

♥23/07/15-15MST

CNS8846

U PB 23-07 00156 BH726

BAH

Mahathir - BN 5 (Akhir) Kota Kinabalu

"Dalam politik, kalau tidak pandai susun diri akan tergelincir. Tapi orang jatuh pun boleh bangun semula. Saya dulu pun pernah dibuang (daripada UMNO) dan boleh kembali.

"Kita tidak ada perasaan marah kepada orang yang menentang kita. Kalau dia sokong kita, kita terima. Kita tahu dulu mereka sokong PBS tapi balik sokong BN, kita terima dengan hati yang senang," tambahnya.

Mengenai Akar, Perdana Menteri memuji parti itu kerana sentiasa taat kepada BN walaupun kurang berjaya dalam pilihan raya.

Beliau juga memuji semangat juang Presiden parti itu Datuk Mark Koding yang walaupun kalah tiga kali tetapi masih tidak patah semangat untuk bersama BN.

Akar yang hanya memenangi satu kerusi pada pilihan raya negeri Februari lepas kini mempunyai enam anggota Dewan Undangan Negeri dan dua anggota Parlimen ekoran tindakan wakil-wakil rakyat PBS menyertai parti itu kemudian. -- Bernama.

MOK KAM.